

BULETIN FRIM PCS

SIRI 2/2019
Julai-Disember



Perkhidmatan Pensijilan Produk FRIM (FRIM PCS)
JKR 508, Jalan Jelutong,
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
52109, Kepong, Selangor



Kandungan:

PELAKSANAAN PENSIJILAN PRODUK FRIM PCS	2
PEMANTAUAN PENSIJILAN PRODUK OLEH MOF	3
PEMBANGUNAN KATALOG PERABOT PEROLEHAN KERAJAAN	3
PENGEKALAN AKREDITASI ISO/IEC 17065:2012	4
PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI E-PENSIJILAN	4
PELAKSANAAN LATIHAN FRIM PCS 2019	5
LAWATAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	6

PELAKSANAAN PENSIJILAN PRODUK FRIM PCS

Sejajar dengan keputusan Kementerian Kewangan untuk melanjutkan tempoh bagi mempersijilkan produk kepada semua syarikat di bawah Kontrak Panel Berpusat (KPB) sehingga 31 Disember 2019, pihak FRIM PCS telah melaksanakan usaha bagi membantu syarikat memperoleh pensijilan produk dalam tempoh yang ditetapkan. Setiap syarikat KPB perlu mendapatkan pensijilan produk FRIM PCS bagi membolehkan syarikat memasuki tender atau sebut harga bagi pembekalan produk perabot ke agensi kerajaan. Ianya merupakan syarat mandatori yang perlu dipatuhi oleh setiap syarikat KPB seperti mana yang dinyatakan di dalam Pekeliling Per-

bendaharaan Malaysia PK 2 Lampiran 2.1 bertarikh 1 Julai 2018, Perolehan Perabot Pelbagai Jenis Melalui Kontrak Panel Berpusat Oleh Semua Agensi Kerajaan di Semenanjung Malaysia.

Sejumlah 76 daripada 87 syarikat di bawah KPB berjaya memperoleh sekurang-kurangnya 1(satu) sijil produk dalam tempoh yang ditetapkan. Terdapat 4 syarikat luar dari KPB juga telah berjaya memperoleh pensijilan produk FRIM PCS pada tahun ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan syarikat yang telah berjaya dipersijilkan adalah sebanyak 80 syarikat dengan 235 sijil produk (Jadual 1).

Jadual 1: Jumlah syarikat dan produk yang berjaya disijilkan mengikut zon

Zon	Jumlah Syarikat		Jumlah Produk yang disijilkan	
	KPB	Bukan KPB	KPB	Bukan KPB
Zon Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang)	15	0	46	0
Zon Tengah (Perak, Kuala Lumpur, Selangor)	38	3	114	6
Zon Selatan (Negeri Sembilan, Melaka & Johor)	7	1	27	1
Zon Timur (Pahang, Kelantan & Terengganu)	16	0	48	0
Jumlah Keseluruhan	76	4	235	7

Manakala terdapat 10 syarikat KPB yang tidak berjaya disijilkan dalam tempoh yang ditetapkan dan satu (1) syarikat yang telah disijilkan pada 2016 telah tamat tempoh sijil dan tidak berminat untuk memperbaharui sijil produk tersebut. Kegagalan syarikat untuk mempersijilkan produk dalam tempoh masa yang ditetapkan

kan adalah kerana tidak mengisi atau melengkapkan borang permohonan untuk menyertai skim pensijilan produk FRIM PCS, tidak mengesahkan tarikh untuk melaksanakan audit kilang dan kelewatan untuk menghantar sampel untuk ujian dalam tempoh yang ditetapkan (Jadual 2).

Jadual 2: Sebab Kegagalan Syarikat KPB Mempersijilkan

Sebab Kegagalan Syarikat	Jumlah Syarikat
1. Kegagalan untuk mengesahkan tarikh audit kilang	2
2. Kegagalan untuk melengkapkan borang permohonan	3
3. Tidak menghantar borang permohonan	5
4. Digugurkan kerana tempoh sijil telah tamat dan tidak memperbaharui sijil	1
Jumlah	10

Bagi mendapatkan sijil produk FRIM PCS, audit dokumentasi dan audit pematuhan di kilang perlu dilakukan. Pemilihan sampel untuk ujian juga dilaksanakan di kilang sebelum dihantar ke makmal untuk ujian. Bagi memastikan syarikat di bawah skim pensijilan produk FRIM sentiasa mengamalkan kawalan kualiti produk yang baik, audit pemantauan akan dilaksanakan pada setiap tahun dan audit pensijilan semula akan dilaksanakan sebelum tempoh tamat sijil (Jadual 3).

Jadual 3: Bilangan audit di kilang yang telah dilaksanakan pada 2019

Jenis Audit	Jumlah Audit
Audit Pematuhan	62
Audit Pemantauan	3
Audit Ext of Scope	11
Audit Pensijilan Semula	10

PEMANTAUAN PENSIJILAN PRODUK OLEH MOF



Pelaksanaan Pensijilan Produk FRIM PCS ini juga dipantau oleh Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia melalui Jawatankuasa Kerja Bagi Pelaksanaan FRIM PCS yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan. Empat siri mesyuarat telah dilaksanakan pada tahun ini dan yang terakhir pada 12 Disember 2019 yang diadakan di FRIM serta pihak Kementerian Kewangan telah melawat Makmal Pengujian Perabot FRIM yang telah dinaiktaraf serta penambahan mesin-mesin ujian yang baharu.



Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bagi Pelaksanaan FRIM PCS Siri 4/2019 yang diadakan pada 12 Dis 2019



Lawatan Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Ke Makmal Pengujian Perabot FRIM

PEMBANGUNAN KATALOG PERABOT PEROLEHAN KERAJAAN

Dalam usaha untuk memastikan kualiti perabot yang dibekalkan kepada agensi kerajaan sentiasa terjamin dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, FRIM dengan kerjasama Furniture Industry Technology Centre (FITEC) dan Kementerian Kewangan telah menghasilkan katalog perabot bagi perolehan kerajaan. Katalog ini dijangka akan diedarkan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan pada awal tahun 2020 bagi membolehkan perolehan perabot dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Sebanyak 228 jenis produk perabot telah didokumenkan di dalam katalog ini meliputi perabot berasaskan kayu, fabrik, logam, polipropilina dan katil besi.



PENGEKALAN AKREDITASI ISO/IEC 17065:2012 (FRIM SEBAGAI BADAN PENSIJILAN PRODUK)

FRIM PCS telah dinilai oleh juruaudit daripada Jabatan Standard Malaysia melalui bagi Audit Pemantauan 2 pada 14 dan 15 November 2019. Penilaian ini adalah bagi memastikan FRIM sebagai badan pensijilan mematuhi keperluan yang telah ditetapkan oleh standard ISO/IEC 17065:2012 dan Jabatan Standard Malaysia. Penilaian ini telah dilaksanakan oleh En. Roslee Saad selaku Ketua Juruaudit dan En. Benardos

Bingkang selaku juruaudit. Hasil penilaian, satu (1) penemuan ketidakpatuhan telah diberikan dan 4 (empat) peluang penambahbaikan yang diusulkan kepada FRIM PCS. Pihak juruaudit juga telah mengesyorkan akreditasi ISO/IEC 17065:2012 diteruskan ke atas FRIM selaku Badan Pensijilan Produk (Jenis 5).

Jadual 4: Skop Pensijilan Produk FRIM

Certification Standard	Title
BS EN 1729-2:2012+A1:2015	<i>Furniture. Chairs and tables for educational institutions. Safety requirements and test methods</i>
BS EN 14073-2:2004	<i>Office Furniture- Storage Furniture: Safety Requirement</i>
BS EN 15372:2016	<i>Furniture-Strength, durability and safety. Requirements for non-domestic tables</i>
BS EN 16121:2013	<i>Non-domestic storage furniture. Requirements for safety, strength, durability and stability.</i>
BS EN 527-2:2016	<i>Office furniture – Work tables. Safety, strength and durability requirements.</i>
BS EN 16139:2013	<i>Furniture – Strength, durability & safety. Requirements for non-domestic seating.</i>



Pelaksanaan Audit Luar (Pemantauan 2) ISO/IEC 17065





PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI E-PENSIJILAN

Bagi memastikan permohonan pensijilan produk dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan bersistematik, FRIM PCS telah mengambil inisiatif untuk membangunkan sistem atas talian yang dikenali sebagai E-Pensijilan. Projek ini telah dimulakan pada 15 Mac 2019 dan telah disiapkan sepenuhnya pada 14 Oktober 2019. Sistem ini telah dibangunkan menggunakan khidmat pembekal luar mengikut modul dan spesifikasi yang telah ditentukan oleh pasukan pensijilan FRIM PCS. Sistem ini dapat memudahkan pihak pengguna untuk membuat permohonan di

mana sahaja tanpa perlu menggunakan sistem manual untuk mengisi borang.

Sistem e-Pensijilan ini melibatkan modul pendaftaran, permohonan, pengauditan, pemantauan ujian, pengeluaran sijil serta stiker pelekat dan aduan. Melalui sistem ini pengguna dapat melihat status ujian produk dan status proses pensijilan produk syarikat tersebut. Sistem boleh dilayari di <http://ecertpcs.frim.gov.my>.



PELAKSANAAN LATIHAN FRIM PCS 2019

Sebanyak 9 latihan dalaman FRIM PCS telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2019. Latihan yang diadakan ini bertujuan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan tahap kompetensi personel yang terlibat dengan FRIM PCS khususnya pasukan Juruaudit Dalam, Juruaudit Produk dan Pasukan Teknikal FRIM PCS selain

memenuhi keperluan sistem ISO/IEC 17065. Latihan dikendalikan dengan kerjasama tenaga pengajar dalaman dan juga pekhidmat luar seperti SIRIM STS Sdn Bhd dan Lembaga Getah Malaysia. Untuk tahun 2019, kos latihan terlibat adalah dianggarkan sebanyak RM34,000.00.



Latihan *Awareness & Refresher Course* ISO/IEC 17065 - 18 Jun 2019



Latihan Tatacara Pelaksanaan Audit Kilang & Penilaian Kompetensi Juruaudit - 1 & 2 Ogos 2019



Proses Ujian Ke Atas Perabot Dan Faktor Kegagalan Sampel Ujian - Segmen Perabot Logam & Katil Besi -29 Apr 2019

Jadual 5: Pelaksanaan Latihan Di Bawah FRIM PCS

Bil	Tajuk Latihan	Sasaran Peserta	Bilangan Peserta	Tarikh	Tempat
1	Latihan lanjutan- Semakan Dokumen 7 Program	Ketua, Naib Ketua & Sekretariat bagi setiap 7 program	15 orang	08/01/19	JKR 617
2	Pengurusan Audit Dalam MS ISO 9001:2015	Bakal Juruaudit Produk & Penjawat Awam FRIM	7 orang	22&23/01/19	Auditorium
3	Bengkel Pembangunan Dokumen In Situ Mengikut Segmen (Logam, Fabrik, Plastik)	Pasukan Teknikal & Juruaudit dan Pengusaha	FRIM- 15, Pengusaha-19 org, FRIM-13, Pengusaha-11 org	29 &30/5/19	Garcinia / Morinda
4	Proses Ujian Ke Atas Perabot Dan Faktor Kegagalan Sampel Ujian - Segmen Perabot Logam, Katil Besi Dan Fabrik	Personel FRIM PCS	60 orang	21/02/19	Auditorium
5	Awareness ISO/IEC 17065	Pasukan Teknikal, Juruaudit Produk & Personel FRIM PCS	16 orang	18/06/19	Garcinia / Morinda
6	Awareness ISO/IEC 17020	Pasukan Teknikal & Juruaudit produk	13 orang	27/06/19	Garcinia / Morinda
7	Awareness ISO/IEC 17021	Pasukan Teknikal & Juruaudit produk	18 orang	13/09/19	Garcinia / Morinda
8	Tatacara Pengauditan & Pelaporan (Skim Perabot)	Juruaudit Produk	14 orang	1&2/8/19	Garcinia / Morinda
9	Audit Dalam ISO/ IEC 17065	Juruaudit Dalam ISO/IEC 17065	17 orang	20&21/8/19	BM Durio

LAWATAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM) KE FRIM PCS DAN FPL

9 Julai 2019 - Delegasi bomba telah mengadakan lawatan ke FRIM pagi tadi bagi melihat struktur organisasi FRIM PCS dan kesediaan Makmal Rintangan Api dalam melaksanakan pensijilan dan pengujian produk pintu rintangan api. Pihak BOMBA melaksanakan verifikasi lawatan bagi membolehkan BOMBA mengiktiraf FRIM sebagai Badan Pensijilan Produk Rintangan Api. Delegasi BOMBA terdiri daripada 10 orang pegawai yang diketuai oleh Tuan Jamri bin Masran (Penguasa Kanan Bomba I) dan FRIM terdiri daripada 10 orang pegawai. Antara pegawai-pegawai kanan yang turut hadir ialah Tuan Abdul Fathul bin Muen (Penguasa Kanan Bomba I) dan Tuan Jasni bin Ali (Penguasa Kanan Bomba II).

Sesi dimulakan dengan taklimat perbincangan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Operasi, YBrs Dr Khali Aziz Hamzah di Bilik Mesyuarat Durio,

Bangunan BioD. Tuan Jamri selaku wakil bomba telah menerangkan tujuan lawatan bagi mengetahui fungsi FRIM dan pelaksanaan ujian di Makmal Rintangan Api. En. Hashim W. Samsi selaku Ketua Program Pemerksaan Pensijilan telah membentangkan fungsi FRIM PCS dan Makmal Rintangan Api.

Delegasi telah dibawa melawat sebelah petang ke Makmal Rintangan Api bagi melihat kesediaan peralatan makmal dalam melaksanakan ujian. Turut hadir YBhg Datuk Dr. Rahim Sudin (Felo FRIM PCS), YBhg. Datin Salamah Selamat (Pengaroh Urusan FRIM PCS), Dr Zaihan Jalaludin (Ketua Program Bio-komposit dan Perlindungan Kayu), Pn. Nor Haliyan Tan Shilan (Pengurus Pensijilan) dan En. Khairul Azmi Jabar (Ketua Makmal Rintangan Api).



Sesi Bergambar bersama ahli yang hadir



Penyampaian cendera mata kepada wakil Bomba



Sesi Perbincangan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan FRIM PCS serta FPL



Sesi lawatan ke makmal FPL

PENGHARGAAN KEPADA DATIN SALAMAH SELAMAT



Datin Salamah merupakan Pengarah Urusan FRIM PCS yang telah dilantik bermula April 2018 sehingga Disember 2019. Beliau merupakan Pengarah Urusan kedua yang telah menerajui Perkhidmatan Pensijilan Produk (FRIM PCS) sejak FRIM PCS ditubuhkan dan merupakan Pengurus Pensijilan FRIM PCS pada 2014 hingga 2018.

Sepanjang tempoh menjadi Pengarah Urusan, beliau telah menunjukkan komitmen yang sangat tinggi terutama dalam perancangan, pelaksanaan & pemantauan aktiviti pensijilan di FRIM PCS. Pelbagai kejayaan telah dicapai FRIM PCS sepanjang tempoh Datin Salamah Selamat sebagai Pengarah Urusan dan Pengurus Pensijilan FRIM PCS. Y. Bhg. Datin Salamah akan terus melaksanakan tugas beliau sebagai Felo di bawah projek FRIM-MOF Pemerksaan Industri Perabot

SEKAPUR SIRIH SEULAS PINANG DARI PENGARAH URUSAN

Setinggi-tinggi tahniah & selamat bertugas kepada Dr. Sharmiza Adnan atas pelantikan sebagai Pengarah Urusan baharu berkuatkuasa pada 1 Januari 2020!

Diharap Dr. Sharmiza Adnan sentiasa dapat membantu penjaanaan idea & membantu dalam pemantapan pengurusan perkhidmatan pensijilan di FRIM PCS

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Pengarah FRIM YBhg Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod di atas kepercayaan untuk melantik saya sebagai Pengarah Urusan FRIM PCS yang baharu. Insyaallah saya akan melakukan yang terbaik untuk menjalankan amanah yang diberikan dan memberikan komitmen sepenuhnya terhadap pelantikan ini.

Saya mengharapkan kerjasama dan sokongan yang baik daripada semua pihak yang terlibat dalam memastikan kejayaan skim pensijilan yang dilaksanakan oleh FRIM PCS terutamanya daripada warga kerja FRIM PCS, Program Pemerksaan Pensijilan (MP), para juruaudit, pasukan teknikal, makmal-makmal pengujian, ahli Panel Pensijilan, regulator dan Unit Undang-undang FRIM dapat diteruskan. Semoga usaha yang dilaksanakan ini dapat menaikkan nama FRIM sebagai institusi penyelidikan yang ulung bukan sahaja di Malaysia, malah di peringkat antarabangsa.



SIDANG REDAKSI BULETIN FRIM PCS

Penasihat: Dr Sharmiza Adnan

Penulis: Nurfarahin Mohd Sani

Sumbangan Maklumat:

Nor Haliyan Tan Shilan

Suhana Rafidah Md. Yusof

Nur Faizatul Ashikin Mokhtar